

20/08/1999

Malaysia sokong langkah China

Mustapa Omar in Beijing

BEIJING, Khamis - Malaysia menyokong langkah China mempercepatkan penyertaannya dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), yang diharap dapat mengukuhkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala.

Sebagai sebuah daripada negara utama perdagangan dunia, pembabit China dalam setiap perbincangan akan membantu penggubalan undang-undang dan peraturan perdagangan dunia yang lebih mantap.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan itu dan terbabit secara aktif dalam pelbagai perbincangan dua hala.

"Negara-negara perdagangan utama lain perlu mengambil sikap pragmatik dan realistik terhadap langkah pembaharuan China itu bagi membolehkannya menyertai WTO," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian di Forum Malaysia-China Ketiga anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) yang dihadiri kira-kira 500 usahawan kedua-dua negara.

Forum itu diadakan sempena lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke China bermula semalam.

Mengenai hubungan dagang Malaysia-China, Rafidah berkata dengan asas hubungan dua hala yang kukuh, kedua-dua negara akan terus menikmati hasil menggalakkan daripada kerjasama yang dilaksanakan.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua negara tidak boleh menafikan pentingnya kerjasama di peringkat serantau kerana negara-negara Asia Timur sentiasa melihat China sebagai kuasa perdagangan penting di rantau ini.

"Ini berdasarkan jumlah dagangan China dengan negara Asean meliputi 6.5 peratus daripada keseluruhan perdagangan dan China adalah rakan dagang kelima terbesar bagi Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina.

"Nilai perdagangan antara kelima-lima negara Asean berkenaan dengan China mencapai AS\$4.1 bilion (RM15.58 bilion) tahun lalu," katanya.

Rafidah juga berkata, masa depan hubungan ekonomi di antara China dengan Asean dijangka terus berkembang apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) diperkenalkan tidak lama lagi.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan China supaya menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk ke pasaran Asean.

Beliau berkata, kegiatan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara menunjukkan peningkatan menggalakkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutama sejak China memperkenalkan dasar pasaran terbukanya.

"Langkah China itu menarik ramai usahawan Malaysia melabur di negara itu, sekali gus mengambil kesempatan daripada pasarannya yang begitu luas," katanya.

Rafidah berkata, dalam tempoh lapan tahun sehingga akhir tahun lalu, perdagangan antara Malaysia dan China berkembang 369 peratus dengan eksport saja meningkat 362.5 peratus, manakala import dari China bertambah 377 peratus.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, katanya, perdagangan dua hala antara kedua-dua negara bernilai AS\$2.03 billion (RM8.74 bilion), manakala tahun lalu bernilai AS\$3.95 billion (RM15.01 bilion).

(END)